




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di Negeri Sabah pada hari ini adalah sebanyak 578 kes. Bilangan kematian adalah 4 orang. Jumlah kumulatif kes COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 9,868 kes. Sehingga hari ini, seramai 4,168 pesakit dilaporkan telah sembuh. Manakala, seramai 5,624 pesakit sedang menerima rawatan dalam wad di seluruh Sabah.
- 2 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



DAPATKAN INFORMASI TERKINI DAN SAHIH DARIPADA COMMAND.SABAH.GOV.MY

Hari ini tidak ada penambahan bilangan zon merah.

- 3 Pada hari ini, terdapat dua (2) kluster baharu iaitu:
 - (i) Kluster Sauh sebanyak 31 kes di PETRONAS PFLNG; dan
 - (ii) Kluster Tinusa sebanyak 33 kes di Kg. Tinusa 2 di daerah Sandakan.
- 4 Daerah Kota Kinabalu mencatat kes tertinggi iaitu sebanyak 233 kes disebabkan bilangan kes Kluster Penjara Kepayan sebanyak 156 kes.

B. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

- 1 Dua (2) lagi lokaliti akan dilaksanakan PKPD iaitu satu (1) di daerah Sandakan dan satu (1) di daerah Lahad Datu. Lokaliti berkenaan ialah:
 - (i) PPR Taman Harmoni, Sandakan mulai 23 Oktober 2020 hingga 05 November 2020.
 - (ii) Anjung Teduh, Felda Sahabat, Lahad Datu mulai 24 Oktober 2020 hingga 06 November 2020.
- 2 Tempoh PKPD di enam (6) lokaliti di daerah Semporna dan satu (1) lokaliti di daerah Kunak dilanjutkan mulai 24 Oktober 2020 hingga 06 November 2020. Pengoperasian kedai runcit di tujuh (7) lokaliti tersebut adalah dibenarkan mulai 6.00 pagi hingga 6.00 petang.
- 3 Manakala, PKPD bagi Penjara Tawau dan Kuarters Penjara Taman Ehsan Tawau tidak dilanjutkan kerana kes jangkitan COVID-19 di dua (2) lokaliti tersebut adalah terkawal.

C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar sedang berjalan lancar. Sehingga jam 2.00 petang hari ini, sebanyak **72,823** bakul makanan telah diagihkan.

D. LAPORAN STATUS JANGKITAN DI KALANGAN WARGA PENDIDIKAN, STATUS SEKATAN JALAN RAYA (SJR), SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Seramai 13 orang guru, 27 orang murid dan 2 kakitangan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dilaporkan dijangkiti COVID-19 pada 22 Oktober 2020.

2. Sebanyak 198 SJR di 66 lokasi melibatkan 52,996 pemeriksaan kenderaan dan 304 diarah berpatah balik.
3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di tiga daerah iaitu beaufort, kudat dan semporna melibatkan keluasan 35,700 meter persegi.
4. Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah telah dilaksanakan di 96 buah lokasi di 11 buah daerah.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuat kuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Dalam kesempatan ini, saya menyeru semua penduduk negeri Sabah berikhtiar dan berdoa mengikut kepercayaan masing-masing agar negeri Sabah segera pulih dari pandemik COVID-19

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#workfromhome
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**
22 Oktober 2020